

Mutiar Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak
(Sarawak Federation of Women's Institutes)



BIL. 140 JUL-DIS 2019

Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-57 PPWS Peringkat Negeri

24 OGOS 2019

HOTEL SERI SIMANGGANG, SRI AMAN

Majlis Makan Malam sempena Ulang Tahun Ke-57 PPWS Peringkat Negeri di Sri Aman pada 24 Ogos 2019 dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak.

PPWS mengiktiraf ahli-ahlinya yang aktif, komited, berintegriti selain nilai-nilai murni lain yang patut ada pada seorang pemimpin atau tokoh. Penerima Anugerah Wanita Hebat 2019 Peringkat PPWS Kawasan Sri Aman ialah Puan Siti Khadijah Abdullah (Anugerah Kepimpinan 2019), Puan Hajah Frida Abdullah (Anugerah Penggiat Sosial 2019) dan Puan Saniah Julhi (Anugerah Usahawan 2019).

Turut hadir pada majlis makan malam tersebut ialah YB Datuk Francis Haden Hollis, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti merangkap ADUN N.32 Simanggang, YB Puan Hajah Simoi binti Haji Peri, ADUN N.28 Lingga, Ketua-Ketua Masyarakat, Ketua-Ketua Jabatan iaitu Puan Noriah Ahmad, Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dan wakil Pegawai Daerah Sri Aman.

Antara pengisian dalam majlis makan malam tersebut ialah tayangan video khas sempena Ulang Tahun Ke-57 PPWS, peragaan Busana Batik oleh Beladin Fashion Centre (BFC) dan Peragaan Busana Pengantin dari Butik Lagenda Rozabella, milik ahli PPWS Kawasan Sri Aman iaitu Puan Khairozamila Othman. Selain itu, penyanyi dalam kalangan ahli PPWS yang berbakat turut dijemput.

PPWS mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Sarawak khususnya Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak dalam mengiktiraf PPWS.



Pemotongan Pulut Kuning sempena Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-57 PPWS



Penerima hadiah 'Wanita Anggun' pada majlis makan malam



Barisan Hadapan: Dari Kiri - Penerima Anugerah Wanita Hebat 2019 Peringkat PPWS Kawasan Sri Aman ialah Puan Siti Khadijah Abdullah (Anugerah Kepimpinan 2019), Puan Saniah Julhi (Anugerah Usahawan 2019) dan Puan Hajah Frida Abdullah (Anugerah Penggiat Sosial 2019)



Gambar kenangan ahli-ahlia PPWS bersama Tetamu Kehormat, YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak

Perutusan

Pengerusi Negeri



Salah satu daripada kata-kata semangat mengenai NGO "The achievement of an organisation are the results of the combined effort of each individual"

Untuk sesebuah organisasi, kita menganggap bahawa ahli-ahli PPWS yang terdiri daripada 15,000 orang sebagai kekuatan sesebuah Pertubuhan. Tetapi, sebenarnya kekuatan organisasi (PPWS) banyak bergantung kepada mutu dan sikap ahli itu sendiri. Kita harus beringat bahawa tanggungjawab kita sebagai ahli akan memberi kesan kepada Pertubuhan kita.

Jika tanggungjawab atau tugas yang dipikul tidak disempurnakan dengan baik, organisasi yang akan menerima akibatnya. Oleh itu, kita harus ingat apa yang kita lakukan perlu ada memberi sumbangan kepada organisasi. Jika sumbangan itu baik, maka baik kesannya kepada organisasi.

Bagaimana kita boleh mengukur sumbangan kita kepada organisasi? Salah satu langkah adalah dengan menyemai semangat kesedaran dalam kalangan ahli supaya lebih aktif dan meningkatkan daya hasil masing-masing. Daya pengeluaran adalah penting kerana dapat meningkatkan sumbangan kepada organisasi.

Melalui perutusan dalam Mutiara Berita PPWS Edisi Julai-Disember 2019 kali ini, saya berterima kasih kepada semua ahli PPWS atas komitmen dan perjuangan sepanjang tahun 2019. Pada tahun hadapan, kita akan melaksanakan pelbagai inisiatif atau aktiviti yang lebih memberi impak ke arah kesejahteraan ahli-ahli PPWS keseluruhannya.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan Selamat Hari Natal dan Selamat Tahun Baru 2020.

DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI MOHD ISMAIL

**Pengerusi Negeri,
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sesi 2018-2020**

**PERSEKUTUAN PERKUMPULAN
WANITA SARAWAK**

**JOM SERTAI KAMI
COME JOIN US**

<http://www.ppws.org.my>

	sfw162@hotmail.com
	sfw162@yahoo.com
	082-244015
	082-237395
	Ppws HQ
	Ibu Pejabat PPWS, Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71, Jalan Green, 93150 Kuching



Program Komuniti Bersama CENTEX

14 SEPTEMBER 2019

PENVIEW CONVENTION CENTRE, DEMAK

Tenaga Pengajar dipilih daripada Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) untuk mengajar Kursus Asas Pembuatan Mee Jawa kepada seramai 20 orang peserta dalam Program Komuniti Bersama CENTEX.

Antara kursus lain yang turut berlangsung pada program tersebut ialah Kursus Asas Keringkam, Kursus Asas Tanaman Hidroponik, Kursus Asas Kimpalan, Kursus Asas Pendawaian dan Kursus Asas Kemahiran Digital.

Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.



Program Jamuan Minum Petang “Tribute to SFWI Pioneers”

18 SEPTEMBER 2019

KEDIAMAN PENASIHAT PPWS, YBHGS. DATO HAJAH RUGAYAH ABDUL MAJID

Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi.

Program sebegini menceriakan seramai 60 orang ahli-ahli PPWS termasuk bekas Pengerusi-Pengerusi Negeri PPWS dan bekas kakitangan PPWS yang telah menaburkan jasa dalam memartabatkan PPWS sejak awal penubuhannya pada tahun 1962 sehingga ke hari ini.

Idea jamuan minum petang ini adalah daripada Penasihat PPWS sendiri kerana beliau begitu menghargai jasa-jasa ahli-ahli PPWS yang lama walaupun kini ada yang kurang sihat atas faktor usia, tetapi masih kuat ingatan mereka kepada PPWS. Jamuan sebegini hanyalah usaha kecil sahaja berbanding dengan jasa yang mereka curahkan kepada PPWS. Ahli-ahli PPWS ini berkumpul tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan fahaman politik.

Pengisian dalam jamuan minum petang tersebut ialah demonstrasi penggunaan tudung dan skaf oleh Butik Menur dan sesi temubual informal dengan Dr Gan Chee Kuan, Pakar Psikatri dari Persatuan Kesihatan Mental Sarawak.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Ahli Parlimen P200 Batang Sadong yang juga pernah menyandang jawatan Pengerusi Negeri PPWS pada sesi 2009-2012.

Golongan belia dijemput untuk menyertai PPWS dengan kadar bayaran yuran yang minima bagi melibatkan diri mereka dalam aktiviti kesukarelaan di samping meningkatkan pengetahuan mereka khususnya dalam bidang kemahiran dan kemasyarakatan maupun isu-isu semasa.

Pendaftaran keahlian boleh dibuat di laman sesawang PPWS iaitu <http://www.ppws.org.my>



Sesi Penyerahan Buku Kepada Sekolah Terpilih di Saratok dan Pusa

25 OGOS 2019

BANGUNAN PPWS SRI AMAN



Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi yang dipengerusikan oleh Puan Salbiah Abdullah, telah mengadakan Majlis Penyerahan Buku kepada Sekolah Terpilih di Saratok dan Pusa.

Majlis Penyerahan tersebut dihadiri oleh seramai 50 orang ahli-ahli PPWS dari sekitar Sri Aman. Buku-buku berjumlah 200 unit tersebut merupakan bahan bacaan untuk pelajar-pelajar sekolah tadika, sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Turut hadir di Majlis Penyerahan tersebut ialah Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS dan Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Penggerusi Negeri PPWS.

PPWS menubuhkan Program Smart Partnership sejak tahun 2010 untuk mendekatkan Pertubuhan ini kepada anak-anak muda melalui sekolah-sekolah. Antara sekolah yang pernah terlibat ialah Tunku Putra School, Kolej DPAH Abdillah dan Sekolah Gita II. PPWS amat menggalakkan penglibatan sekolah-sekolah lain di seluruh Sarawak dalam aktiviti komuniti dan kesukarelaan. Antara aktiviti yang boleh disertai ialah program sumbangan, kitar semula, gotong-royong, aktiviti kraftangan, masakan dan membuat kuih dan sebagainya.

Jamuan Makan Malam Bersama Ahli PPWS Daerah Bintulu/Tatau

26 OGOS 2019

SAMUDRA HOTEL, KUCHING

Ibu Pejabat PPWS telah menerima kunjungan daripada 32 orang ahli dari PPWS Daerah Bintulu/Tatau. Satu jamuan makan malam telah diadakan oleh Ibu Pejabat PPWS bagi beramah mesra dengan ahli-ahli tersebut.



▲ Ucapan terima kasih diberikan oleh Puan Jamilah Ajis, Timbalan Pengerusi Daerah Bintulu/Tatau merangkap Ketua Rombongan.



▲ Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengerusi PPWS menyampaikan ucapan aluan mewakili Pengerusi Negeri PPWS.



▲ Gambar kenangan AJK Negeri PPWS dan Kakitangan Ibu Pejabat bersama ahli-ahli dari Daerah Bintulu/Tatau.



▲ Cenderahati PPWS Daerah Bintulu/Tatau kepada Pengerusi Negeri PPWS, YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail.

Bengkel Pemerksaan NGO Sarawak

26-27 OKTOBER 2019

ISLAMIC INFORMATION CENTRE, KUCHING

Bengkel Pemerksaan NGO Sarawak anjuran Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak telah berlangsung selama 2 hari. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil PPWS iaitu Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dan Cik Nur Arrissa Mohamed, Pengelola PPWS Kawasan Kuching/Samarahan.



Lawatan Sambil Belajar PPWS Ke Jogjakarta



Seramai 22 orang rombongan dari Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) seluruh Sarawak telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jogjakarta yang diketuai oleh Puan Salbiah Abdullah, Pengurus Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi. Lawatan telah diadakan pada 8 hingga 12 November 2019.

Lawatan sebegini merupakan lawatan kali kedua dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi. Pada pertama kalinya, ahli-ahli telah dibawa ke Pontianak pada tahun 2018.

Melalui lawatan ini, PPWS telah membuat kunjungan mesra kepada Pengrajin Batik Winotosastro. Ahli-ahli berkesempatan untuk beramah mesra dengan usahamita batik di sana.

Lawatan seperti ini merupakan satu aktiviti sosial yang penting dalam usaha membuka minda dan memberi inspirasi kepada ahli-ahli PPWS untuk meneroka peluang yang lebih baik.

Ini merupakan usaha PPWS untuk mengeratkan hubungan strategik dengan mana-mana pertubuhan wanita di dalam negeri maupun luar negara agar perkongsian maklumat dan pelbagai topik dapat dibincangkan bersama. Perbincangan itu kemudiannya dapat dijadikan panduan kepada PPWS menjadi sistem sokongan Kerajaan Sarawak dalam menangani isu-isu semasa.

Dengan adanya program lawatan ini juga diharap dapat memberi satu pengetahuan baru kepada ahli-ahli PPWS. Melalui program ini ahli-ahli diberi pendedahan dan pengalaman yang kemudiannya boleh dikongsi bersama-sama rakan-rakan. Pengetahuan dan pengalaman ini juga boleh digunakan sebagai panduan hidup pada masa hadapan dan memberi manfaat kepada ahli-ahli.

Program Smart Marriage: Till Jannah anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak

**21-22 NOVEMBER 2019
HOTEL UCSI, KUCHING**



Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah
bergambar di booth Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Datuk Amar
Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang bersama
Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah
sedang membuat pemeriksaan kesihatan di booth
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



Sesi demonstrasi masakan Kerabu Bario oleh PPWS
sambil disaksikan oleh Tetamu Kehormat



Penyampaian cenderahati oleh PPWS disampaikan
oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail,
Pengerusi Negeri PPWS kepada Tetamu Kehormat
sambil disaksikan dif-dif kenamaan yang lain

Program Dapur W.I. "Sihat, Ceria, Selamat"

**11 DISEMBER 2019
PASARAYA MYDIN, PETRA JAYA**

Majlis Perasmian Program Dapur W.I. dengan tema "Sihat, Ceria, Selamat" telah berlangsung dengan jayanya. Terima kasih kepada semua pihak yang menyokong program ini secara langsung dan tidak langsung.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang dan turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak.

Seramai lebih kurang 200 orang tetamu hadir bagi memeriahkan program ini.

Program Dapur W.I. ini akan dilaksanakan di seluruh Sarawak bermula pada tahun 2020 untuk memberi kesedaran kepada wanita khususnya wanita luar bandar mengamalkan pemakanan sihat termasuk pemilihan menu sihat, penanaman kebun dapur dan budaya kitar semula.

Beberapa modul pengajaran dan pembelajaran telah dicadangkan untuk ahli-ahli dan dijalankan secara ceramah, demonstrasi, pengkongsian dan lawatan sambal belajar yang akan dikendalikan oleh pihak berkenaan. Tenaga pengajar terdiri dari anggota-anggota Jabatan terutama dari Kesihatan dan Pertanian. Pelaksanaan akan dijalankan secara berperingkat di semua Kawasan PPWS di seluruh Sarawak.

Pameran turut disertai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), HFE Agro Resources Sdn Bhd, TOCLAN dan Projek WormingUp. Selain itu, sesi saringan kesihatan turut dianjurkan dalam pengisian sempena Majlis Perasmian tersebut.

Objektif Program Dapur W.I. ialah seperti berikut:

Objektif 1:

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang penghasilan, pemilihan, penyediaan dan pengambilan makanan secara sihat sama ada, pengambilan makanan semulajadi, boleh ditanam sendiri atau makanan proses serta pengambilan diet khas bagi orang yang berkeperluan di kalangan ahli-ahli PPWS dan masyarakat setempat.

Objektif 2:

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan penyimpanan makanan yang selamat dan sisa buangan dari dapur secara bijak ke arah budaya kitar semula dan pengurangan pembaziran makanan.

Objektif 3:

Menghasilkan buku resipi mengenai makanan dan minuman melalui Pertandingan Masakan Sihat di Daerah-Daerah PPWS seluruh Sarawak.

Penganjuran Program “ACWW Women Walk the World”

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Kawasan Kuching/Samarahan dengan kerjasama PPWS Daerah Bau telah menganjurkan Program “Women Walk the World” pada 13 Julai 2019 lepas.

Program ini diadakan setiap tahun atas sokongan kepada Persatuan Wanita Desa Sedunia/Associated Country Women of the World (ACWW) yang merupakan Pertubuhan di Peringkat Antarabangsa yang disertai PPWS.

PPWS telah menyertai ACWW sejak tahun 1964. Penglibatan PPWS dengan ACWW ialah penganjuran Seminar Amalan Pemakanan untuk Keluarga Luar Bandar yang dikelolakan bersama United Nations FAO dan WHO, penganjuran Forum “The Role of Women in Promoting Harmony in Family Life”, PPWS telah 3 kali menjadi tuan rumah untuk Persidangan ACWW bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh iaitu di Kuching dan di Miri selain Program Berjalan Kaki seperti yang diadakan di Bau baru-baru ini. PPWS turut menghantar ahli-ahli menghadiri Persidangan ACWW yang dianjurkan di luar negara seperti di Ontario, Tasmania, London, New Zealand, Germany, South Africa, India, dan baru-baru ini di Melbourne, Australia (April 2019).

Program berjalan kaki ini bermula dari Dewan Suarah Bau hingga ke Tasik Biru, Bau ini telah dihadiri oleh seramai 300 orang. Antara aktiviti lain yang diadakan sempena Program Women Walk the World ini ialah Pertandingan Gubahan Bunga, Pertandingan Membuat Aneka Bingka, Pertandingan Tarian Poco-Poco, aktiviti jualan dan senamrobik beramai-ramai.

Juara untuk Pertandingan Bingka Tradisional telah dimenangi oleh Puan Maliah Sapli, ahli dari PPWS Daerah Lundu.

Pada sebelah malamnya, Majlis Makan Malam telah diadakan sempena Program ACWW ini dan meraikan sekali Majlis Ramah Tamah Gawai Raya. Majlis makan malam telah dihadiri oleh seramai 800 orang.

Program ini turut dihadiri oleh 2 orang dari PPWS Peringkat Negeri iaitu Puan Hajah Kamariah binti Haji Harmi, Naib Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat, Exco PPWS Kawasan Kuching/Samarahan.



◆ Jualan/Pameran turut diadakan pada hari yang sama. Sebanyak 10 meja dari setiap Daerah dalam PPWS Kawasan Kuching/Samarahan mengadakan jualan. Antara produk yang dijual adalah seperti gula apong, sayur-sayuran, aneka kuih dan makanan kering.



◆ Pertandingan Gubahan Bunga Eksotik yang diwakili dari setiap Daerah.

Senam Poco-poco yang dihadiri sebanyak 800 orang ahli PPWS Kawasan Kuching/Samarahan menyertai program kali ini.



◆ Antara aksi Pertandingan poco-poco yang disertai oleh 3 daerah yang bertemakan Pua Kumbu.

Simbolik Pelantikan Tuan Rumah Bagi Women Walk the World 2020 kepada Puan Julia Ahmah, Pengerusi Daerah Sebaya. Disaksikan oleh Pn Hajah Kamariah Haji Harmi, Naib Pengerusi Negeri PPWS, Pn Hajah Hamdiah Haji Mat, Exco Kawasan Kuching/Samarahan dan Pn Hasmah Sauni Samat, Pengerusi Kawasan Kuching/Samarahan. ▼



◆ Pn Hajah Kamariah Haji Harmi, Naib Pengerusi Negeri PPWS dan Pn Hasmah Sauni Samat, Pengerusi Kawasan Kuching/Samarahan bersama ahli-ahli dari PPWS Kuching/Samarahan di Tasik Biru, Bau.



**Majlis Makan Malam Ramah Tamah Gawai Raya
Dianjurkan oleh PPWS Daerah Bau**

13 Julai 2019



Pn Hajah Hamdiah Haji Mat Exco Kawasan Kuching/Samarahan bersama Pn Hasmrah Sauni Samat hadir ke Majlis Makan Malam tersebut. ▲



Ucapan Perasmian daripada ▲
Pn Hajah Hamdiah Haji Mat Exco Kawasan Kuching/Samarahan.



Persembahan daripada penari yang terdiri dari pelajar sekolah. ▲



Antara tetamu yang hadir pada Majlis Makan Malam Gawai Raya pada hari tersebut. ▲



▲ Penyerahan cendarahati kepada Pn Hajah Hamdiah Haji Mat disampaikan oleh Pn Marina, Pengurus PPWS Daerah Bau

**Lawatan ke Sanggau, Sintang dan Melawi,
Indonesia anjuran PPWS Cawangan Kuching**

21 Julai 2019

PPWS Cawangan Kuching telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Sanggau, Sintang dan Melawi di Indonesia.

Selain itu juga, rombongan berkesempatan ke PPWS Daerah Lundu/Sematan beramah mesra dengan ahli-ahli PPWS di sana. Turut diadakan ialah demonstrasi masakan dari PPWS Cawangan Sematan dan demonstrasi mengikat reben hiasan dari PPWS Cawangan Kuching.



**Lawatan Ke Kuching anjuran PPWS
Cawangan Kampung Kakeng**

14 Ogos 2019



Seramai 41 orang ahli PPWS Cawangan Kampung Kakeng mengadakan ▲
lawatan sambil belajar ke Kuching. Antara tempat yang dilawat ialah Manja Enterprise, beramah mesra dengan ahli dii PPWS Cawangan Pinggan Jaya dan Ladang Madu Kelulut di Batu 10. ▲

**Lawatan ke PPWS Daerah Sebuyau
anjuran PPWS Cawangan Serasot**

16 Ogos 2019

Ahli dari PPWS Cawangan Serasot, Bau mengadakan lawatan sambil belajar ke PPWS Daerah Sebuyau. Antara aktiviti yang dijalankan ialah demonstrasi membuat Kuih Raja Mandi dan lawatan ke Ladang Tanaman Belimbing Besi.



Sesi demonstrasi membuat ▲
Kuih Raja Mandi



Gambar kenangan di luar ladang ▲
tanaman belimbing besi

26 Ogos 2019

Aras Bawah, Ibu Pejabat PPWS, Kuching



▲ Satu demonstrasi membuat menu 'Beef Baked Potato' telah diadakan dan ditunjuk ajar oleh Puan Hamidah Mohamad.

▲ Gambar kenangan bersama ahli-ahli PPWS Bintulu/Tatau

PPWS Kawasan Kuching/Samarahan telah menerima kunjungan daripada rombongan PPWS Daerah Bintulu/Tatau. Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said, Setiausaha Kehormat PPWS; Puan Hajah Hamdiah Haji Mat, Exco PPWS Kawasan Kuching/Samarahan dan Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha, Exco PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit turut hadir.

Rombongan PPWS Daerah Bintulu/Tatau melawat ke Pusat Kraftangan EPAL, Kuching

26 Ogos 2019

► Ahli-ahli
memerhati
kakitangan
EPAL
Kuching
menjahit
sarung
kotak tisu



◀ Puan Hajah
Rasiah Dahlan,
Setiausaha
PPWS Daerah
Bintulu/Tatau
menyampaikan
cenderahati
kepada pihak
Pusat Kraftangan
EPAL Kuching

Majlis Makan Malam 'Golden Buffet Dinner' anjuran PPWS Cawangan Kampung Taee, Serian

8 September 2019



Majlis telah dihadiri Puan Hasmah Sauni Samat, Pengurus PPWS Kawasan Kuching/Samarahan; Cik Nur Arrissa Mohamed, Pengelola PPWS Kawasan Kuching/Samarahan; Puan Anthonia, Pengurus Daerah Serian dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Kawasan PPWS Kuching/Samarahan.

Majlis Perasmian Hari Produktiviti sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak

8 November 2019

MPC Sarawak, Demak Laut,
Kuching



▲ Gambar kenangan ahli di Pejabat MPC Sarawak

Seramai 30 orang ahli PPWS dijemput untuk menghadiri Majlis Perasmian Hari Produktiviti sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak anjuran MPC Sarawak di Kuching.

'Free Market', booth jualan dan aktiviti zumba turut diadakan.

Majlis turut dihadiri oleh Pengurus PPWS Kawasan Kuching/Samarahan, Puan Hasmah Sauni Samat dan Setiausaha PPWS Kawasan Kuching/Samarahan, Puan Dayang Jemilah Awang Hassan.

Sesi Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran

22 Oktober 2019

Kampung Sungai Bedil Besar, Kuching



▲ Sumbangan dari ahli-ahli PPWS telah diberikan kepada mangsa kebakaran di Kampung Sungai Bedil Besar, Kuching. Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh Puan Norhasiyah Abdullah, Pengurus PPWS Daerah Kuching. Terima kasih kepada individu-individu yang telah memberi sumbangan tersebut.

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Cawangan Gersik

1 Disember 2019, Kuching



Kelas Pembuatan
Bunga Sabun anjuran
PPWS Cawangan
Kampung Pangkat

19 Julai 2019



Ahli PPWS dari PPWS Kampung Perintah
bergambar dengan Pengusaha Ladang Kelulut

Mesyuarat Cawangan



PPWS Cawangan Kampung Baru Betong mengadakan mesyuarat pada 10 Julai 2019



PPWS Cawangan Kampung Hulu Lingga mengadakan mesyuarat pada 13 Julai 2019



PPWS Cawangan Kampung Pangkat mengadakan mesyuarat pada 27 November 2019



PPWS Kampung Tengah Betong dan Kampung Baru Betong mengadakan mesyuarat pada 8 Disember 2019



PPWS Cawangan Kampung Perintah mengadakan mesyuarat pada 17 Julai 2019



Mesyuarat dikelolakan oleh PPWS Cawangan Suak A Meludam pada 15 November 2019



PPWS Cawangan Kampung Melango mengadakan mesyuarat pada 14 Disember 2019

Aktiviti Sukaneka

Hari Sukaneka Keluarga anjuran PPWS Kampung Tengah Betong diadakan pada 30 November 2019



Sukaneka sempena Hari Malaysia anjuran PPWS Cawangan Kampung Pangkat bersama KRT Kampung Pangkat telah diadakan pada 15 September 2019, bertempat di Perkarangan Surau Kampung Pangkat

Bengkel Tanaman Organik

29 Julai 2019

Beladin



Seramai 18 orang ahli PPWS mengikuti Bengkel Tanaman Organik yang diadakan di Tadika Kemas, Beladin

Seminar Kesejahteraan Emosi anjuran Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama PPWS

19 Oktober 2019,

Hotel Seri Simanggang, Sri Aman

Majlis Penutupan Rasmi program ini telah disempurnakan oleh Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat, Pengurus Jawatankuasa Kecil Latihan. Beliau telah menyampaikan ucapan sempena penutupan rasmi tersebut mewakili Pengurus Negeri PPWS.

Dua orang penceramah ialah Dr Ooi Soon Ming, Pakar Psikiatri di Hospital Sri Aman dan Cik Suria binti Ibrahim dari Befrienders Kuching.

Seramai 100 orang peserta seminar hadir ke program tersebut. Turut dijemput hadir ke seminar ialah wakil dari PERKIM dan PERKEP.



▲ Peserta-peserta seminar yang hadir sedang mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah



▲ Gambar kenangan diambil bersama semua peserta dan penceramah seminar

Program Smart Marriage: Till Jannah anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS)

16-17 Oktober 2019

Hotel Seri Simanggang, Sri Aman



Seramai 4 orang wakil dari PPWS Daerah Sri Aman bergambar bersama Penceramah Program. Majlis Perasmian Program telah disempurnakan oleh YB Datuk Francis Harden ak Hollis, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti

Taklimat Akauntabiliti dan Integriti Dalam Pengurusan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Sarawak

19 Oktober 2019

Hotel Seri Simanggang, Sri Aman



▲ Peserta bersama penceramah menunjukkan simbol "Katakan Tidak Pada Rasuah"



▲ Taklimat telah disampaikan oleh Encik Azman bin Ngaridi, Pegawai SPPM Cawangan Sarawak kepada peserta seramai 100 orang



▲ Gambar kenangan diambil di luar Bangunan Pusat Internet

Hari Bersama Komuniti

17 Disember 2019

Pusa

Berita Kawasan

Sri Aman

**Kelas Mempelajari
Pembuatan Kuih Muih
anjuran PPWS Cawangan
Bahagia Teku 2**

Kelas
Membuat
Pelbagai
Kuih Muih
2 Ogos
2019



Kelas
Membuat
Kuih Nona
Manis dan
Bun Hotdog,
8 Ogos 2019

**Minggu Sihat Jogathon anjuran PPWS
Cawangan New Cross Road Sarikei**

23 Ogos 2019



**Lawatan ke Seduku Lingga, Sri Aman
anjuran PPWS Cawangan Jalan Haji Karim**

25 Ogos 2019



**Pertandingan Ratu Kebaya Sempena
International Base Jump Sibu**

**22 September 2019,
PPWS Cawangan Bunga Raya Sibu**



Lawatan Pengerusi Negeri PPWS ke Sibu

30 Ogos 2019, Bangunan PPWS Sibu



Sesi demonstrasi membuat kuih nona manis sambil diperhatikan Pengerusi Negeri PPWS

Lawatan Pengerusi Negeri, YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail ke Sibu bertujuan untuk berjumpa dengan ahli-ahli PPWS bagi membincangkan program atau aktiviti mengikut pelan strategik PPWS Sesi 2018-2020 dan isu-isu yang berlaku di Cawangan, Daerah dan Kawasan.

Pengisian program ialah melawat Bangunan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit, dialog bersama ahli-ahli, demonstrasi membuat kuih nona manis dan berambeh makan tengah hari bersama ahli.

Turut hadir ialah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dan Exco Kawasan iaitu YBhg. Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha.

Penyampaian cenderahati kepada Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS bertugas mengiringi Pengerusi Negeri PPWS ke Kawasan

Pengerusi Negeri PPWS bersalaman dengan ahli-ahli dari PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit

Lawatan Pengerusi Negeri PPWS ke PPWS Daerah Sarikei

31 Ogos 2019, Bangunan PPWS Daerah Sarikei

Berita Kawasan
Sibu / Sarikei / Kapit

Seramai 50 orang ahli PPWS Sarikei menyambut ketibaan Pengerusi Negeri yang pertama kali ke bangunan PPWS Daerah Sarikei.

Dalam amanat beliau, Pengerusi Negeri PPWS menyarankan agar Pelan Strategik PPWS Sesi 2018-2020 dilaksanakan berdasarkan teras-teras yang diwujudkan. Selain itu, aktiviti yang memberi faedah kepada komuniti dan mempertingkatkan penglibatan orang muda dalam PPWS. Ahli-ahli di Cawangan perlu kreatif dalam menganjurkan program bukan hanya dari aktiviti masakan tetapi menghasilkan buku resipi masakan untuk menambah dana pertubuhan.

Pada tahun ini, PPWS Peringkat Negeri akan melancarkan Program Dapur WI dengan tema "Bersih, Ceria, Selamat". Hasil daripada program ini nanti, Buku Resipi Masakan Sihat akan dihasilkan.

Turut menyampaikan kata aluan ialah Yang Berusaha Puan Haidah Nor selaku Pengerusi PPWS Daerah Sarikei. Beliau dan ahli-ahli berbesar hati menerima kehadiran Pengerusi Negeri bersama Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS ke Sarikei dan mereka diberi peluang berdialog dengan ahli-ahli.



▲ Pengerusi Negeri PPWS menandatangani Buku Pelawat Bangunan PPWS Daerah Sarikei



▲ Ucapan aluan oleh Pengerusi Daerah Sarikei, Puan Haidah Nor

Sambutan Hari Keluarga PPWS Daerah Sarikei 2019

12 Oktober 2019



Mesyuarat Jawatankuasa Kawasan Bil 04/2019

19 Oktober 2019



Jualan Amal Blind Centre

20 Oktober 2019



**Santai Bersama
Ahli PPWS**

1 November 2019



**Women Walk
The World**

2 November 2019



**Perasmian
Bangunan PPWS
Kawasan
Sibu/Sarikei/Kapit**

2 November 2019



Sambutan Maulidur Rasul Bahagian Sibu 2019

9 November 2019



**Santai Bersama
Ahli PPWS**

1 November 2019

**Sambutan
Maulidur Rasul
Bahagian Daro
2019**

9 November 2019



**Randau Bersama Ahli PPWS Kawasan /Samarahan
dan Exco Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit**

29 November 2019



**Program
bersama
Ahli PPWS
Kpg Jerijeh**

**30 November
2019**



**Majlis Makan Malam Bersama PPWS Cawangan
Kpg Sejaie dan Exco Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit**

30 November 2019





◀ Ahli-ahli PPWS menanam pokok limau kasturi di luar kawasan Rumah PPWS Bekenu sebagai aktiviti kebun dapur mereka



Aktiviti Gotong-Royong Membersih Kawasan Rumah PPWS Daerah Bekenu

19 Julai 2019, Bekenu

◀ Ahli-ahli PPWS berehat sebentar selepas menebas semak di luar persekitaran Rumah PPWS Bekenu

Program Berambeh Bersama Pengerusi Negeri PPWS

21 Julai 2019
Bangunan PPWS Daerah Bintulu

▶
Tetamu yang hadir dan duduk di meja santapan utama



◀
Penyampaian cenderahati oleh wakil dari PPWS Daerah Bintulu kepada Pengerusi Negeri PPWS

Lawatan Muhibbah & Perjumpaan PPWS Daerah Bekenu ke PPWS Daerah Miri/Lutong

25 Julai 2019

Seramai 47 orang ahli daripada 9 buah Cawangan PPWS dari Daerah Bekenu telah menyertai lawatan ke Miri. Ahli-ahli dibawa melawat ke Muzium Kek Lapis Siti Payung. Satu demonstrasi membuat kek oleh wakil PPWS Daerah Miri/Lutong.



◀ Ahli-ahli melihat demonstrasi Kek Crony yang ditunjuk ajar oleh Puan Habsah Haji Daud, Pengerusi Kawasan PPWS Miri/Bintulu



Lawatan Muhibbah PPWS Daerah Miri/Lutong
ke Limbang dan Lawas

4-6 Oktober 2019



Lawatan ke Rumah PPWS Cawangan Kampung Pemukat, Kuala Lawas. Turut hadir ialah YBhg. Dato Ursula Goh, Bekas Penasihat PPWS



Gambar kenangan ahli-ahli di Stesen Kastam di Sempadan Limbang-Brunei



Demonstrasi memasak sambal tahai daripada wakil PPWS Daerah Limbang

Aktiviti Zumba & Berjalan
Kaki untuk Kesihatan
anjuran PPWS Daerah
Bintulu/Tatau

20 Oktober, 2019



Sambutan Hari Keluarga PPWS Daerah Miri/Lutong
27 Oktober 2019



Seminar Kesejahteraan Emosi anjuran Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama PPWS

1 Oktober 2019, Auditorium Pustaka Miri

Majlis Penutupan Rasmi program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rosey Yunus, Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak.

Tiga orang penceramah telah dijemput dalam program seminar ini. Mereka dari Hospital Miri iaitu Dr Akram Salihin Saparai, Pegawai Perubatan Psikiatri; Dr Bawih Inu Pu'un, Pakar Psikaitri dan Cik Mas binti Jali, Pegawai Psikologi.

Empat kaedah untuk mengubati mereka yang mengalami ketidaksejahteraan emosi ialah BIOLOGI, PSIKOLOGI, SOSIAL dan KEROHANIAN.

Manfaat yang didapatkan oleh peserta yang hadir ke program seminar ini ialah bijak mengurus emosi sendiri dan memahami konsep kesejahteraan emosi. Anda boleh dapatkan bantuan profesional jika sukar berbicara tentang emosi sendiri. 7 langkah mendapatkan bantuan untuk masalah kesihatan mental di Komuniti Miri seperti berikut:

- 1) Pergi poliklinik berdekatan dan jumpa Pakar Perubatan Keluarga
- 2) Rujuk Pakar Perubatan Psikiatri
- 3) Rujuk Hospital Swasta
- 4) Rujuk Klinik Psikatri di Miri
- 5) Singgah di Mentari Miri, Rumah Kenyalang yang beroperasi pada hari Rabu dan Khamis (waktu bekerja)
- 6) Sesiapa mengalami pskosis atau cubaan bunuh diri, datang segera ke wad kecemasan hospital
- 7) Telefon hotline "Befrienders" di talian 082-242800 (Kuching)

Gambar kenangan bersama Tetamu Kehormat, para penceramah dan para peserta seminar



Majlis Makan Malam “Black & Gold” Kutipan Dana PPWS Kawasan Miri/Bintulu

1 November 2019



Majlis telah dirasmikan oleh Puan Norjanah Razali, Timbalan Pengurus Negeri merangkap Presiden Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh Sesi 2019-2022. Beliau telah mewakili Pengurus Negeri PPWS.

4 Ogos 2019

Perjumpaan Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS ke PPWS Daerah Limbang berjumpa dengan ahli-ahli di sana pada 4 Ogos 2019. Bersama beliau ialah Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.

Beliau menyampaikan beberapa amanat kepada ahli-ahli PPWS berkaitan integriti, Pelan Strategik PPWS Kawasan Limbang/Lawas, meraikan Hari PPWS pada setiap tahun pada 5 Mei, kempen Anti Rabies di luar bandar dan juga persiapan Ulang Tahun ke-60 PPWS bagi tahun 2022.



▲ Ahli-ahli dari PPWS Daerah Limbang hadir di Pejabat PPWS Kawasan Limbang/Lawas untuk mendengar amanat dari Pengerusi Negeri PPWS

▲ Pengerusi Negeri PPWS melihat demonstrasi membuat sambal ikan tahai dari salah seorang ahli Limbang

▲ Cenderahati Bingkai Tenunan Songket Tangan kepada Pengerusi Negeri dari Cawangan PPWS di Limbang

**Majlis Penyerahan
Geran kepada
Cawangan-Cawangan
Dalam PPWS
Daerah Limbang
4 September 2019,
Dewan Bunga Raya,
Limbang**



Satu Majlis Penyerahan Outright Grant kepada PPWS Daerah Limbang (48 cawangan) oleh Yang Berhormat Dr Hj Abdul Rahman b. Hj Ismail, Menteri Muda Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak merangkap ADUN N79 Bukit Kota.

PPWS Laksanakan Taklimat Berkenaan Kesedaran Wabak Rabies kepada Penduduk Rumah Panjang

Taklimat Berkenaan Kesedaran Wabak Rabies telah dilaksanakan oleh PPWS Kawasan Limbang/Lawas dengan kerjasama Majlis Daerah Limbang dan Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang. Taklimat ini telah diadakan pada 17 September 2019 di Zon E, Limbang merangkumi 2 buah Cawangan Bisaya dan 7 buah Rumah Panjang Iban.

Taklimat berkenaan Kesedaran Wabak Rabies ini dihadiri oleh seramai 50 orang ahli PPWS dan mereka berkumpul di Dewan Kg Buluh Balui, Limbang bagi mendengar taklimat yang disampaikan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Ridhwan bin Nen, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Yang Berusaha Encik Julain ak Injan, Pembantu Kesihatan Awam dari Majlis Daerah Limbang.

Program pendedahan sebegini telah disarankan oleh Ibu Pejabat PPWS di bawah Pengerusinya, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail. Pengerusi Negeri PPWS telah mengarahkan semua Pengelola Kawasan PPWS untuk memastikan 5 buah Kawasan PPWS melaksanakan program taklimat ini dan risalah berkaitan pencegahan rabies dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telahpun diagihkan ke semua Pejabat PPWS di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri dan Limbang.

Mengikut laporan harian wabak rabies Negeri Sarawak yang dikemaskini setakat 24 September 2019, seramai 19 orang telah mati akibat wabak rabies.

Setakat ini, 63 Kawasan telah diisyihar mempunyai wabak rabies kecuali di Limbang. Sila hubungi Pejabat Veterinar terdekat untuk mendapatkan suntikan vaksin anti-rabies percuma bagi anjing pelihataan anda. Hubungi Rabies Hotline di talian 016-2051111 sekiranya ada laporan sebarang perkara berkaitan dengan rabies.



**Majlis Makan Malam PPWS
Kawasan Miri/Bintulu**

1 November 2019, Miri, Sarawak



Seramai 10 Orang Dari PPWS Kawasan Limbang & Lawas Menghadiri Majlis Makan Malam Yang Dianjurkan PPWS Kawasan Miri/Bintulu ▲

**Belajar Menganyam Ketupat Anjuran PPWS
Kampung Limpaki Limbang**

17 November 2019



Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-48 PPWS Sakura Limbang

18 November 2019
Limbang



Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-48 PPWS Sakura Limbang telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr Hj Abdul Rahman Ismail, Menteri Muda Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah merangkup ADUN N79 Bukit Kota. Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Hajah Dayang Maimunah Binti Hj Awang Mohd. Daud.

Pada majlis tersebut tetamu kehormat dan difidik kehormat yang lain memotong kek sebagai simbolik Sambutan Ulang Tahun Ke-48 PPWS Cawangan Sakura Limbang.

Program Hari Keluarga Dan Sukaneka PPWS Zon F

14 Disember 2019



Dari Kiri : Puan Lamiah Bt Hj Lalim (Pengerusi PPWS Kg Meritam), Puan Mariam Bt Ibrahim (Ahli Tertua PPWS Kg Meritam), Puan Nurul Izza Binti Hanis (Pengelola PPWS Kawasan Limbang & Lawas) Turut Hadir Sama Memeriahkan Sambutan Hari Keluarga & Sukaneka PPWS Zon F ▲



Program Ini disertai oleh ahli-ahli dari 10 Buah Cawangan PPWS ▼



Nama Usahawan : ZAHARAH BUSTAMI

Jenis Perniagaan : KUIH MUIH & MAKANAN KERING

Nama Syarikat : MAZARA ENTERPRISE

No. Telefon : 011251312572

Beliau mula menyertai Pertubuhan PPWS pada tahun 2011. Banyak yang beliau pelajari dalam PPWS terutamanya dalam bidang masakan seperti kuih muih termasuk kuih-kuih kering dan pelbagai jenis kek.

Setiap kali PPWS mengadakan program, beliau akan turut serta bagi menambah ilmu untuk meningkatkan lagi ilmu dalam bidang keusahawanan. Beliau berharap agar lebih ramai wanita yang menceburi bidang keusahawanan ini terutama dari setiap Daerah agar PPWS semakin aktif. Beliau berpendapat, PPWS merupakan penggerak usahawan wanita di setiap Daerah serta merupakan Pertubuhan yang lebih dekat dengan masyarakat setempat khususnya wanita di luar bandar.

Ucapan Tahniah

Seramai lebih kurang 30 orang wakil dari PPWS telah menghadiri Majlis Perasmian 13th Asia Pacific Orchid Conference 2019 (APOC 13) pada 24 Julai 2019 dengan tema persidangan pada kali ini ialah "Cultural Exchange Through Orchid". Persidangan ini diadakan di Borneo Convention Centre, Kuching.

Puan Hamidah Mohamad, ahli PPWS dari Cawangan Green, Kuching telah mengikuti pertandingan mengubah bunga orkid sempena Program APOC 13 kali ini. Beliau mendapat tempat ke-8 dalam pertandingan gubahan tersebut.

